



TANYA JAWAB



- T* Bagaimanakah mulanya Prof. George Quinn mula jatuh cinta dengan bahasa Jawa? (Soalan ditanyakan oleh pengerusi sesi ceramah, Encik Mohamed Noh Daipi)
- J* Para hadirin sekalian, saya dilahirkan di Zealandar Baharu. Saya bukanlah orang Australia yang asli. Boleh dikatakan saya ini orang pendatang atau *immigrant*. Saya tinggal di Zealander Baharu, dan tiada apa-apa yang berlaku di New Zealander Baharu kecuali kadang-kadang berlaku gempa bumi kecil. Biasanya kejadian tersebut akan menjadi bahan perbualan berbulan-bulan lamanya para penduduk Zealandar Baharu. Di samping itu, sebuah lagi subjek yang menjadi kegilaan orang-orang Zealandar Baharu ialah Bola Rugby atau *Rugbi Football*. Keadaan di sana amat membosankan.

Ramai remaja di Zealandar Baharu ingin menjelajahi dunia luar termasuklah diri saya. Saya juga ingin menjelajahi dunia luar. Pada tahun 1965, masih saya muda lagi, saya mengambil kesempatan untuk berjalan-jalan ke Indonesia. Pada waktu itu Indonesia baru sahaja mengalami gejolak, berlakunya kudeta pada 30 September tahun 1965.

Saya tiba di Indonesia beberapa bulan kemudian, serta sempat mengalami gejolak, peristiwa yang sangat mencekam jiwa saya. Misalnya pada bulan Januari 1966 saya diajak oleh rakan saya di Indonesia untuk ikut demonstrasi di jalan. Pada masa itu Presiden Indonesia ialah Presiden Sukarno. Presiden Sukarno baru sahaja mengalami percubaan rampasan kuasa. Para mahasiswa ingin menjatuhkan Presiden Sukarno. Gerakan ini mungkin lebih kurang serupa dengan apa yang berlaku di Libya sekarang ini.

Saya diajak ikut demonstrasi oleh rakan saya pada tanggal 12 Januari 1966. Saya ikut demonstrasi sebagai penonton di pusat kota Jakarta. Beberapa orang mahasiswa yang terlibat dalam demonstrasi telah mengambil batu-batu di tepi jalan berhampiran parit lalu melempar ke arah tentera pengaman Presiden Sukarno. Pasukan tentera pengaman Presiden Sukarno meminta



bantuan. Maka datanglah askar-askar yang menaiki truk lalu menembak ke udara untuk menghuraikan para penunjuk perasaan. Saya berasa takut sekali lalu merebahkan diri di dalam parit. Dalam keadaan ketakutan, saya melompat ke dalam parit lalu merangkak keluar lebih kurang 100-200 meter dari tempat kejadian.

Oleh kerana ketakutan, baju saya koyak di bahagian dada dan tidak terasa sakit walaupun badan saya mengalami luka-luka kecil.

Mulai saat itu hati saya terganggu, perhatian saya mula terpusat kepada kebudayaan Indonesia. Semakin lama rasa ingin tahu yang mendalam terhadap kebudayaan Indonesia bertambah, khususnya kebudayaan Jawa. Saya ditempatkan di sebuah universiti di Jawa Tengah sebagai pensyarah di jabatan bahasa Inggeris. Ketua jabatan saya pada ketika itu merupakan seorang perempuan muda berbangsa Indonesia. Kami sempat berkenalan dan lama kelamaan jatuh cinta. Kemudiannya beliau menjadi isteri saya. Di rumah kami berkomunikasi dalam bahasa ‘gado-gado’, berbahasa Inggeris dan Jawa. Hubungan kami amat serasi.

Hubungan antara bahasa dengan jiwa atau hati amat rapat. Cinta saya pada bahasa dan kebudayaan Indonesia, khususnya bahasa Jawa semakin mendalam setelah jatuh cinta dengan bakal isteri saya.

Kita perlu ingat bahawa hubungan antara kebudayaan dengan bahasa sangat rapat. Apabila kita ingin membangkitkan bahasa Nusantara, bahasa Melayu, Sunda atau apa bahasa sekalipun, kita harus berani untuk menjalin hubungan dari hati ke hati dengan pemegang kebudayaan tersebut.

Begitulah ceritanya bagaimana saya jatuh cinta pada bahasa Indonesia, bahasa Jawa dan sehingga kini saya masih mengajar bahasa Jawa di Australian National University (ANU). Di ANU, mahasiswa yang belajar bahasa Indonesia/Jawa sangat tekun dan bersungguh-sungguh untuk mempelajari bahasa Indonesia.



Kita harus berani mengetengahkan bahasa Indonesia dan bahasa-bahasa Nusantara, ke peringkat antarabangsa atau global. Pelajar mendalami tatabahasa dan kebudayaan Jawa dan begitu berdedikasi dalam mendalami kebudayaan Jawa.

Bahasa Jawa hanyalah salah satu daripada banyak bahasa Nusantara yang lain di dunia. Kita semua patut memikirkan cara-cara untuk mendalami lingkungan budaya kita dan patut mencari jalan supaya latar belakang dan kesenian kita dapat dipertemukan dengan kebudayaan global yang terwujud di dalamnya bahasa Inggeris. Jangan sampai bahasa Inggeris didewa-dewakan, diagung-agungkan, harus ada semacam kompromi. Jika tidak nanti, pada masa hadapan, anak-anak akan menghadapi sebuah dunia yang agak monotegral dan dunia yang monotegral adalah sebuah dunia yang miskin, pada pandangan saya. Jika mempelajari bahasa Inggeris dan membiarkan bahasa Inggeris memonopoli bahasa di dunia, bahasa yang memonopoli bahasa yang lain adalah suatu kemiskinan.

T Apakah yang boleh dilakukan untuk mengubah minda atau *mindset* pengguna bahasa agar wujud anjakan paradigma supaya wujud rasa suka dan hendak menggunakan serta menghayati bahasa Melayu? (Soalan ini ditanyakan oleh Cikgu Rashidah Bte Abdullah dari Sekolah Menengah Marsiling)

J Apakah yang boleh kita lakukan agar perkara yang kita takuti tidak sampai berlaku? Saya mohon maaf pada saudara dan saudari sekalian kerana saya tidak tahu jawapannya. Untuk mengubah '*mindset*' itu merupakan satu perkara yang amat sukar dan tidak boleh dilakukan hanya melalui atau menghadiri ceramah sahaja.

Yang perlu kita lakukan ialah menanam keteguhan hati. Menanam keteguhan hati ada pelbagai cara dan bergantung dengan keperibadian seseorang. Namun kita harus berani untuk berdiri atas dasar apa yang kita cintai, kita harus berani mengakui bahawa ada cara berfikir yang lain yang juga berguna dan kita harus dapat memberikan ruang kepada kedua-duanya.



Sebagai penutur asli bahasa Inggeris, saya amat bangga melihat bahasa Inggeris, bahasa yang saya gunakan telah digunakan di seluruh dunia. Namun saya juga harus berjuang dengan diri saya sendiri bahawa bahasa yang saya cintai, bahasa Inggeris, merupakan bahasa pemati, merupakan unsur perosak. Saya kuatir di negara kami di Australia, anak muda hanya menggunakan dan mempelajari bahasa Inggeris dan berhenti daripada mempelajari bahasa dan budaya lain.

Anda pula mengenal budaya Melayu, budaya Islam, kebudayaan Barat dan kebudayaan yang terkandung dalam bahasa Inggeris. Anda memiliki latar belakang pemikiran yang lebih bervariasi berbanding kebanyakan anak-anak muda dan guru di negara kami.

Bagi saya, hal ini merupakan satu perkara yang sangat memprihatinkan. Seringkali saya mencuba untuk menyampaikan keprihatinan saya kepada warga Australia dan ada yang dapat menerima pandangan saya dan ada juga yang tidak. Tetapi banyak juga yang mengejek sehingga saya mencari satu dasar dalam diri saya agar saya dapat terus menyampaikan pandangan saya yang pada pendapat saya berkaitan dengan masa depan bangsa kami. Masa depan dunia pada pandangan saya ialah masa depan variasi, masa depan beraneka ragam dan bukan masa depan monokultural.

Itulah yang menjadi dasar utama bagi kita untuk menimbangkan masa depan bahasa Nusantara dan juga yang menjadi dasar utama bagi kita untuk membentuk *mindset* yang boleh melahirkan dampak atau kesan yang tidak sihat bagi masa depan bahasa Nusantara.

T Saya Cikgu Zainal Abidin dari Sekolah Menengah Kranji. Saya tidak mempunyai soalan tetapi pandangan. Saya teruja dan amat bangga dengan kehadiran Prof. Quinn dari Australia yang telah memberitahu kita akan pentingnya bahasa Melayu, sebagai salah satu bahasa Nusantara. Saya ingin menganjurkan agar para remaja dan kita semua sedar akan pentingnya bahasa Melayu kekal relevan hingga hari ini. Kita harus mengambil iltizam bahawa bahasa Melayu tetap penting dan dipelajari



di negara lain. Kita sebagai pengguna bahasa tersebut harus lebih gigih menggunakan dan memperjuangkan kepentingan bahasa kita sendiri. Bahasa kita kelihatan tidak digunakan oleh anak remaja kerana ada sesetengah mereka yang menganggap bahasa Melayu tidak penting. Sebenarnya kita yang telah merendahkan bahasa dan budaya sendiri. Saya amat bangga kerana ada seorang pakar dari Australia yang datang ke mari untuk mengingatkan kita akan pentingnya bahasa kita. Mungkin para remaja boleh mula menggunakan bahasa Melayu semasa mengutus mesej ringkas atau SMS. Ini boleh membantu merangsang penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.

T Saya turut teruja seperti rakan saya tadi. Saya guru pesara dari Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim. Saya teruja apabila Profesor mengatakan bahawa bahasa Melayu boleh dibahasakan di dunia global hari ini. (Soalan diutarakan oleh Cikgu Hamsani bin Raoh)

Dari Jurong pergi ke Bishan,
Berkereta memandu sendiri;
Kalau bahasa tidak berperan,
Siapa pula harus disalahi.

Saya tertarik dengan pandangan profesor yang mengatakan bahawa jangan kita mendewa-dewakan bahasa sendiri. Apakah impaknya kepada ekonomi sekiranya bahasa Melayu didewa-dewakan dan bahasa Inggeris tidak diambil peduli sedangkan kita tahu bahawa bahasa Inggeris digunakan di mana-mana? Sila komen.

J Saya harus menjelaskan bahawa saya tidak menganjurkan bahasa Inggeris disingkirkan. Bahasa Inggeris memainkan peranan yang teramat penting dan saya tidak fikir bahasa Inggeris dapat disingkirkan dengan begitu sahaja. Apa yang berlaku ialah, dalam perjalanan waktu, bahasa Inggeris itu akan hilang sendiri. Apa yang kita perlu fahami ialah perubahan yang berlaku dalam bahasa Inggeris itu sendiri. Kalau kita melihat bahasa Inggeris global hari ini, sifatnya ialah seragam atau monolitik. Seorang



rakyat Singapura misalnya boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dengan orang dari Amerika, Britain, India, dan sebagainya. Namun keadaan ini tidak akan berlangsung lama. Masa depan sesuatu bahasa sangat sulit ditentukan atau diramalkan. Bahasa Inggeris hari ini sedang mengalami perpecahan atau fragmentasi. Lihat timbulnya ragam-ragam bahasa itu sendiri yang seolah-olah membawa bahasa itu berdiri dengan sendirinya.

Misalnya di India, kalau saya mendengar orang India menggunakan bahasa Inggeris, kadang-kadang sangat sulit bagi saya untuk memahaminya. Mereka fasih berbahasa Inggeris tetapi ragam bahasa Inggeris yang mereka gunakan mula menyimpang daripada ragam bahasa Inggeris baku. Begitu juga di Singapura ini yang dikatakan bahasa Inggeris itu boleh berkembang sendiri yang dikenali sebagai 'Singlish' yang seolah-olah membawa penutur di Singapura ini menggunakan bahasa Inggeris yang agak lain daripada penutur bahasa Inggris di negara-negara lain. Kita tidak tahu apakah yang akan berlaku kepada bahasa Inggeris namun perubahan boleh berlaku dengan pesat dan bahasa Inggeris belum tentu tetap menjadi bahasa global buat selama-lamanya.

Siapa tahu dalam masa 50 atau seratus tahun lagi, bahasa global ialah bahasa Cina kerana bahasa berkembang atas dasar ekonomi. Ekonomi negara China berkembang dengan sangat pesat. Dan siapa tahu, bahasa Cina boleh menjadi bahasa global. Negara-negara yang hanya menumpukan pada bahasa Inggeris semata-mata akan ketinggalan di belakang apabila bahasa Cina menjadi bahasa global. Dan siapa tahu, jika bahagian di dunia nusantara Melayu menjadi pusat budaya dan ekonomi global, tentunya bahasa Melayu akan menjadi bahasa global. Ekonomi negara Indonesia sekarang ini mula berkembang dan siapa tahu, Indonesia akan menjadi salah sebuah negara macan seperti China dan Rusia yang ekonominya berkembang dengan sangat pesat. Siapa tahu dalam masa 50 tahun lagi ekonomi negara Indonesia bersama Malaysia, Singapura dan negara tetangga berkembang pesat. Tentunya bahasa Melayu dan bahasa Indonesia akan turut berkembang pesat. Yang jelas, perkembangan bahasa amat sulit ditentukan dengan tepat. Sekarang ini, bahasa Inggeris



memainkan peranan yang penting dalam ekonomi dunia global. Namun, ekonomi dunia global boleh berubah dengan cepat dan yang pasti perubahan global boleh menjejaskan perubahan dari segi penggunaan bahasa.

T Nama saya Muhd Ali, penuntut di tahun ketiga di NIE. Satu perkara yang dapat saya simpul daripada ceramah yang disampaikan oleh Prof. ialah tentang peranan bahasa. Seperti yang kita ketahui, sesuatu bahasa itu dapat berkembang sekiranya bahasa itu dapat mencerminkan dan menerangkan perkembangan yang berlaku sekarang dan yang akan berlaku pada masa hadapan, serta melambangkan perkembangan dan pertumbuhan bahasa dan masyarakat penggunaanya. Apa yang berlaku kepada bahasa Melayu sejak dahulu lagi, bahasa Melayu telah menerima masuk pengaruh bahasa-bahasa asing seperti bahasa Sanskrit, Inggeris, Belanda dan sebagainya. Apa yang timbul sekarang ialah, ada beberapa pandangan yang berbeza mengenai penerimaan dan kemasukan pengaruh bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu, ada yang menerima dan ada pula yang berpandangan sebaliknya.

Saya ingin meminta pandangan Prof. bagaimana kita melawan atau menimbulkan kesedaran bahawa untuk memastikan bahasa itu terus hidup, kita tidak boleh menjadi seorang yang *'purist'* dalam memperjuangkan bahasa kerana bahasa tersebut akan *'mati'* kerana tidak dapat mengungkapkan atau menjelaskan hal-hal yang terkini, hal-hal yang baharu.

J Apa yang boleh dilakukan adalah dengan memulai dengan menyedarkan diri kita dan anak didik kita bahawa tidak ada satu bahasa pun di dunia yang bersifat murni, termasuklah bahasa Inggeris yang merupakan campuran bahasa Latin, bahasa Perancis, bahasa Anglo-Saxon dan beberapa bahasa lain. Kadang-kadang kita lupa bahawa bahasa Inggeris dalam bahasa kasarnya dikatakan *'A Bastard Language'*, ertinya terbentuk dari bermacam-macam bahasa dan kerana itulah bahasa Inggeris hidup. Dan begitu juga dengan bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain. Seperti yang dikatakan tadi, bahasa Melayu sendiri terdiri daripada banyak bahasa



seperti bahasa Arab, Inggeris, Belanda, Perancis, dan menerima pengaruh daripada negara-negara di Nusantara ini. Apa yang jelas ialah, kita harus menerima kemasukan perbendaharaan kata daripada pelbagai bahasa, termasuklah bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu.



PROFESOR DR. GEORGE QUINN





